

Penjawat awam perlu teruskan momentum transformasi

PUTRAJAYA 3 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan para penjawat awam agar memastikan momentum kejayaan agenda transformasi negara tidak diperlahankan atau terbantut di tengah jalan.

Beliau berkata, agenda transformasi bukan hanya telah membangunkan kejayaan yang membang-

gakan tetapi juga memperoleh pengiktirafan pelbagai pihak, termasuk dari luar negara.

"Dalam bulan Syawal ini, yang hendak cuti, sudah cuti, nak balik kampung, sudah balik kampung, bonus sudah dapat dan kenaikan gaji pun sudah dapat.

"Jadi sekarang ini kita mesti teruskan momentum itu sebab Pro-

gram Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan semua program bawah Lautan Biru sudah menampakkan kejayaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Perdana

Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menurut Najib, beliau yakin dan percaya jika agenda transformasi negara berjalan lancar dan memiliki strategi pelaksanaan yang berkesan, kesannya pasti akan dirasai oleh rakyat dan golongan sasaran.

"Di sinilah peranan penjawat awam amat penting kerana strategi pelaksanaan itu mesti berkesan dan

ikut jadual supaya ia dapat dirasai oleh rakyat dan golongan sasaran kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, dari segi indikator makro, suku kedua ekonomi negara berkembang pada kadar 5.4 peratus berbanding 4.9 peratus suku pertama tahun ini.

Malah, beliau menambah, Malaysia muncul sebagai pusat tawa-

ran awam permulaan (IPO) ketiga terbesar dunia selepas Amerika dan China dan IPO kedua terbesar di dunia ialah Felda Global Ventures Holdings, manakala ketiga ialah IHH Healthcare.

"Media antarabangsa pula sejak kebelakangan ini membuat liputan semakin positif mengenai Malaysia," katanya.